



كوفراسي فقاوي كرايمنا نبري فذرع وارر لاسا برعم
**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

Tarikh: 03 Mei 2023
12 Syawal 1444 Hijrah

Kepada:
Semua anggota
Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad

Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 68

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Ke 68 Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad akan diadakan pada tarikh dan masa seperti berikut:

Tarikh : 27 Mei 2023 (Sabtu) bersamaan 7 Zulkaedah 1444 Hijrah
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Arena, Stadium Sultan Abdul Halim, Jalan Suka Menanti,
05150 Alor Setar, Kedah.

2. Anggota-anggota dengan hormatnya dipersilakan hadir. Pendaftaran bermula jam 8.00 pagi hingga jam 9.00 pagi.
3. Agenda Mesyuarat;
 1. Melantik Pengerusi Mesyuarat.
 2. Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada 6 orang anggota dan 4 orang anggota Lembaga untuk menentusah draf minit Mesyuarat Agung Ke 68.
 3. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 67 yang telah diadakan pada 24 Jun 2022.
 4. Memilih 3 orang anggota Lembaga. Anggota Lembaga berikut telah genap tempoh perkhidmatan menurut Peruntukan Seksyen 36(1) Undang-undang Kecil Koperasi:
 1. Dato' Haji Hashim bin Ahmad
 2. Hajah Hasnah binti Ahmad
 3. Haji Romli bin Zakaria
5. Menimbang Laporan Tahunan Lembaga bagi Tahun 2022.
6. Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 berserta Laporan Juruaudit, Laporan Berkanun Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pandangan Suruhanjaya.
7. Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.
8. Menimbang dan meluluskan Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan bagi tahun kewangan 2024:
 - i. Bahagian Kredit
 - ii. Bahagian Stesen Servis Petronas Alor Setar
 - iii. Bahagian Koservis (MyTayar)
 - iv. Bahagian Stesen Servis Caltex Changloon
 - v. Bahagian Ar-Rahnu Alor Setar
 - vi. Bahagian Ar-Rahnu Guar Chempedak
 - vii. Bahagian Stesen Minyak Shell Jalan Langgar
 - viii. Bahagian Perniagaan Gas Petron
 - ix. Bahagian Stesen Minyak Petron Alor Sena, Perlis
 - x. Bahagian Stesen Minyak Buraqoil, Kuala Nerang
 - xi. Bahagian Stesen Minyak Petron Changloon

- xii. Bahagian Ar Rahnau Arau, Perlis
- xiii. Belanjawan Modal/Aset

9. Meluluskan pelantikan satu panel Juruaudit Luar yang terdiri daripada tidak lebih daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun tahun 2023 dan memberi kuasa kepada Lembaga untuk memilih salah satu firma berkenaan yang sesuai serta menetapkan bayarannya.
 10. Memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pembiayaan wang tidak lebih daripada RM30juta dengan kadar keuntungan tidak melebihi kadar pasaran dan memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pelaburan dengan wang pembiayaan tersebut tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Koperasi 1993.
 11. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Koperasi 1993.
 12. Menimbang dan meluluskan cadangan pindaan Undang-Undang Kecil dan Aturan-Aturan Koperasi.
 13. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain Koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung telah diberikan.
4. Tuan/Puan yang berhasrat untuk mengemukakan apa-apa usul di dalam Mesyuarat Agung kali ini hendaklah menyampaikan usul tersebut kepada Setiausaha Koperasi tidak lewat dari 7 hari sebelum Mesyuarat Agung.
 5. Semua anggota boleh melayari laman sesawang www.kopkedah.com.my untuk mendapatkan maklumat mengenai Mesyuarat Agung Tahunan Ke 68.

Dengan Perintah Lembaga,



.....
(ZABIDI BIN AHMAD)
Setiausaha
Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman Berhad

s.k. Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Cawangan Negeri Kedah,
Aras 1, Zon B, Wisma Persekutuan Anak Bukit,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bandar Mu'adzam Shah,
06550 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.